

15/08/1998

Dr M terus diterima rakyat

Hussain Mohamed

TIDAK syak lagi bahawa secara tersurat dan tersirat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin negara yang terus diterima rakyat. Hampir setiap ahli Umno menyatakan sokongan bulat padanya.

Barangkali kemuncak pernyataan sokongan itu adalah yang diterimanya pada majlis perasmian Bangunan Umno Pulau Pinang pada Selasa (11 Ogos) lalu, untuk sekian kalinya diucapkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku Ketua Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang mewakili seluruh lapisan tokoh dan ahli parti di negeri berkenaan.

Cadangan dan perakuan Anwar ini dengan kata lain, menguburkan sama sekali desas-desus dan cerita sensasi yang ingin melihat berlakunya perebutan jawatan Presiden parti di antara kedua-dua tokoh ini dalam pemilihan Umno tahun hadapan.

Bagi banyak kalangan yang selama ini merasakan diri mereka berpihak pada Anwar, ikrar yang diputuskan oleh Umno Pulau Pinang itu memberikan harapan buat mereka untuk benar-benar bekerja merapatkan segala keretakan yang mungkin terjadi sejak beberapa waktu yang lalu.

Sementara itu, haruslah diingati bahawa sejak Perhimpunan Umno Jun lalu, beberapa negeri menyatakan sokongan masing-masing terhadap kepemimpinan Dr Mahathir satu demi satu. Ia bermula dengan yang disuarakan oleh Umno negeri Selangor dan diikuti dengan Umno Kelantan.

Belumpun Jun berakhir, sokongan yang serupa diucapkan dan ditandatangani oleh semua Jawatankuasa Perhubungan Umno Melaka.

Sementara dalam menghadapi kerenah Singapura berhubung dengan pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar ke Woodlands itu pula, sokongan padu dinyatakan oleh Umno negeri Johor dan dikukuhkan lagi oleh Umno Selangor. Turut memberikan sokongan demikian setakat yang sempat diamati adalah yang diputuskan dalam Perhimpunan Tahunan MIC pada hujung minggu lalu (9 Ogos).

Dalam beberapa kesempatan lain, Dr Mahathir berjaya menawan hati dan mendapat sokongan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai sebuah kesatuan yang mewakili pekerja Malaysia dapat menerima hakikat dan memahami akan kesulitan ekonomi negara dengan tidak membuat tuntutan kenaikan gaji dan yang seumpamanya sebagaimana yang menjadi aktiviti rutinnya sejak beberapa tahun kebelakangan. Dr Mahathir turut menyatakan sanjungan dan pujian terbukanya terhadap sikap dan pendirian MTUC itu.

Malah yang turut dikira istimewa bagi seorang Perdana Menteri seperti Dr Mahathir sekarang ialah sikap toleransi dan kesediaannya mendengar pihak yang pernah membuat kritikan padanya beberapa waktu lalu.

Dalam hubungan ini selain MTUC, Dr Mahathir juga nampaknya memberikan reaksi positif terhadap saranan Pemuda Umno yang menggesa agar ketegangan antara Malaysia dan Singapura itu dihentikan dulu apa jua urusan terbaru antara kedua-dua negara berkenaan.

Mengingatkan bahawa Dr Mahathir selaku Presiden parti mengkritik secara terbuka tindakan Pemuda Umno mengheret isu nepotisme dan kronisme dalam Perhimpunan Agung parti, maka respon beliau yang nampaknya agak positif ke atas cadangan itu, boleh difahami bahawa kemarahan beliau terhadap pergerakan berkenaan sudah mula kendur.

Jika dibandingkan kes Dr Mahathir dipecat oleh pucuk pimpinan parti pada 1969 lalu dan dibiarkan beliau `berkelana' lebih setahun lamanya, maka reaksi beliau yang terbaru terhadap suara Pemuda itu benar-benar

memperlihatkan bahawa Dr Mahathir masih mempunyai ehsan dan bersedia memaafkan.

Ciri ini, yang pernah disebut sebagai 'magnanimous' dan sifat 'magnammity' sebenarnya lebih popular di kalangan pemerhati politik tempatan bilamana ianya pernah digunakan oleh Tengku Razaleigh pada 1988 dalam surat jawapan sewaktu 'menolak tawaran' jawatan Menteri yang ditawarkan oleh Dr Mahathir padanya.

Tujuan istilah ini digunakan oleh bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu adalah sebagai rayuan agar Dr Mahathir selaku 'Presiden Umno yang asal' dewasa itu, dan juga sebagai Menteri Dalam Negeri untuk lebih bertimbang rasa dan merestui akan usaha menghidupkan parti asal itu dengan melaksanakan Fasal 70 dalam Akta Pertubuhan di mana Fasal berkenaan memberikan 'mandat yang penuh' untuk menteri berkenaan membatalkan apa jua tindakan mengubur dan membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan seperti yang sedang dialami Umno ketika itu.

Episod getir politik Umno itu hari ini nampaknya berlalu dan dilupakan. Namun terbukti bahawa setelah merujuk kembali ke dalam Umno pada Oktober 1996 dan seterusnya dikembalikan semula kedudukan dan jawatan selaku Ketua Umno bahagian Gua Musang Mac lalu, maka jelaskan ciri keihsanan dan kesediaan memaafkan itu masih ada dan ditunjukkan oleh Dr Mahathir terhadap seseorang yang pernah menyanggahi dan menjadi musuh politiknya itu.

Tentu saja perilaku seperti ini adalah sebahagian perkiraan mudah terhadap kelebihan yang ada pada Dr Mahathir itu. Tetapi tafsiran ini memanglah cukup mudah dan longgar, malah barangkali kurang tepat dan masih boleh dipertikaikan.

Namun turut dikira penting dalam hal ini dan dianggap sebagai satu lagi komponen pada kelebihan Mahathir itu ialah terhadap kemampuan fizikalnya untuk memainkan tiga tugas utama serentak dalam beberapa waktu kebelakangan ini.

Tiga tugas yang dimaksudkan itu ialah sebagai Perdana Menteri dan Menteri, sebagai Presiden Umno dan sebagai Pengerusi Barisan Nasional. Kekaguman yang dimaksudkan dalam hal ini kesanggupan dan kemampuan beliau dalam usia hampir tiga suku abad itu, menyampaikan ucapan demi ucapan dan bertemu dengan ribuan rakyat dalam program Bertemu Rakyat yang diadakan hampir setiap hari sejak berakhirnya Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun lalu.

Lebih daripada itu ialah mengenai kegigihannya memenuhi pelbagai program luar pejabat di sana sini yang pada ramai orang adalah cukup meletihkan. Tetapi Dr Mahathir nampaknya semakin arif dan sentiasa terbayang di wajahnya keceriaan. Ada kalanya rasa benci yang pada ramai orang akan turut menjejaskan kesihatan dan fizikal serta fisiologinya.

Namun baginya, yang pernah dirawat dan menjalani pembedahan injap saluran jantung pada awal 1989 lalu, segalanya itu adalah cabaran yang semakin berupaya mengaktifkan saraf dan mindanya.

Segalanya ini barangkali terletak pada 'keazaman' dan 'will power' yang barangkali sukar terdapat pada orang lain. Keazaman itu sendiri diterjemahkannya melalui perancangan dan dasar tertentu sepanjang kepemimpinannya setakat ini, sementara usaha memenuhi, merealisasi dan mencapai keazaman itu dirancang dengan memikirkan secara langsung akan bentuk matlamat atau sasarannya pula.

Dengan adanya matlamat itu, misalnya pengembangan kemakmuran ekonomi yang lebih besar untuk diagihkan kepada semua kaum atau merancang untuk membina Negara Maju melalui Wawasan 2020 melalui strategi seperti Sekolah Bestari dan Koridor Raya Multimedia (MSC) memperlihatkan bahawa komponen keajaiban itu juga merangkumi aspek visi dan misi tertentu yang boleh dihuraikan melalui gagasan atau konsep tertentu.

Barangkali segalanya ini menjadi asas yang benar-benar berakar umbi terhadap sokongan dan dokongan ahli dan pelbagai lapisan kepimpinan Umno dan kerabatnya dalam Barisan Nasional.

Demikianlah dengan sikapnya yang pernah dilabelkan sebagai `keras kepala' oleh Paul Keating, bekas Perdana Menteri Australia dan seterusnya di akhir 1997 dituntut oleh sebilangan ahli Kongres Amerika agar beliau `meletakkan jawatan' atas dakwaan kononnya mengatakan pakatan Israel terbabit dalam mencetuskan krisis dan kegawatan ekonomi, beliau telah mendapat sokongan padu daripada pelbagai lapisan rakyat untuk tidak tunduk dan akur terhadap tohmahan itu.

Demikian juga dalam menghadapi kegawatan hubungan dengan Singapura sekarang pelbagai lapisan rakyat termasuk parti pembangkang seperti DAP, turut menyatakan sokongan terhadap sikap dan pendirian yang dibuat oleh Dr Mahathir dan Kerajaan Malaysia untuk menghadapi isu berkenaan.

Namun sebagai seorang pemikir, pengamat dan negarawan, Dr Mahathir sendiri cukup maklum dan mengerti bahawa tidak semua sokongan dan dukungan yang ditunjukkan padanya itu benar-benar mempamerkan keikhlasan dan ketulusan.

Barangkali hal ini dapat dilakarkan sepintas lalu mengenai bagaimana beliau pernah hiba ketika membacakan sajak `Perjuangan Yang Belum Selesai' pada awal Mei 1996 dahulu. Beliau jelas begitu peka dengan nasib bangsanya yang nampaknya masih terjebak dan terbelenggu dengan pelbagai kemelut yang menghambat perubahan dan pembangunan yang beliau sendiri ikut merancang dan mengusahakannya itu.

Demikian juga apabila beliau menutup ucapan perasmian Perhimpunan Agung Umno 1996. Sedu sedannya itu cukup bermakna dan mengharukan sebagai manifestasi kebimbangan dan keprihatinannya terhadap gejala politik wang dan salah guna kedudukan politik dengan perjuangan yang hanya dilandasi dengan hasrat untuk merebut jawatan dan kedudukan pada akhirnya akan menyebabkan parti Umno akan hancur.